

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XIX)1**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT  
YB. HENG LEE LEE**

1. Bagaimanakah Kerajaan Negeri dapat membantu Permohonan Kewarganegaraan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan. Sila nyatakan SOP dan maklumat terkini.

**YB. PROF. DR. P. RAMASAMY A/L PALANISAMY  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

1. Permohonan Kewarganegaraan di bawah Perkara 15A adalah melibatkan pendaftaran kewarganegaraan untuk kanak-kanak yang berumur 21 tahun dan ke bawah dalam keadaan khas. Permohonan tersebut perlu dikemukakan oleh ibu atau bapa atau penjaga yang mempunyai talian persaudaraan kepada kanak-kanak. Pemohon perlu mendapatkan Borang B – permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15A dan 15(2) dalam Perlembagaan Persekutuan. Borang yang lengkap perlu dikemukakan kepada Ibu Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara di Putrajaya atau Ibu Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara di negeri. Kerajaan Negeri memberikan bantuan kepada pemohon yang menghadapi masalah untuk urusan melibatkan perkara ini sebelum dimajukan kepada Jabatan Pendaftaran Negara untuk proses permohonan lanjut.

Kerajaan Negeri sehingga kini telah menerima sejumlah 775 permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 7 (0.9%) permohonan telah mendapat kelulusan, 674 (86.97%) permohonan dalam tindakan Jabatan Kerajaan dan 94 (12.13%) permohonan masih dalam tindakan pegawai unit kewarganegaraan.

Kerajaan Negeri mempunyai lima (5) pegawai yang dilantik secara *Contract for Service* (CFS) bagi membantu permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan. Pegawai-pegawai tersebut akan berurusan dengan pemohon serta jabatan kerajaan bagi memastikan proses permohonan dapat berjalan dengan lancar. Selain itu, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Jabatan Pendaftaran Negara Pulau Pinang dan Jabatan Imigresen Pulau Pinang telah mengadakan satu sesi taklimat pada 25 November 2019 kepada pegawai seranta, wakil Ahli Parlimen dan ADUN bagi memberikan penerangan mengenai proses kewarganegaraan bagi membantu pemohon di Negeri Pulau Pinang.